

536:

MAHATHIR

1974

KUALA KANGSAR, 14 SEPT (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENASIHATKAN MURID-MURID PEREMPUAN JANGAN MENGENEPIKAN PELAJARAN SAINS RUMAHTANGGA KERANA MEMENTINGKAN PELAJARAN-PELAJARAN LAIN.

KATANYA, SAINS RUMAHTANGGA AMAT BERGUNA UNTUK MENOLONG MEREKA MENJAD SURI RUMAHTANGGA DAN IBU YANG BERTANGGUNGJAWAB BILA MEREKA BERUMAHTANGGA KELAK.

TEGASNYA, TANGGUNGJAWAB KEPADA SUSUNAN DAN KEBERSIHAN RUMAH SERTA ANAK-ANAK HENDAKLAH DISEMAI SEMASA DI SEKOLAH LAGI SECARA BERKESIHATAN-PERINGKAT SESUAI DENGAN UMUR MURID.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI PEMBUKAAN HARI JUBILEE PERALIHAN UCAPAN DAN PENYAMPATAN HADIAH SEKOLAH MENENGAH RAJA PEREMPUAN KALTHOM DI SINI.

BELIAU JUGA MEMUJI SEKOLAH TERSEBUT KERANA MENGAMBIL BERAT DI DALAM MATAPELAJARAN SAINS RUMAHTANGGA DAN MEWAJIBKAN MURID-MURID DARI TINGKATAN SATU HINGGA KE TINGKATAN TIGA MENGAMBIL MATA PELAJARAN ITU. -BERSAMBUNG 1225/MM

537:

MAHATHIR 2 KUALA KANGSAR

BELIAU JUGA BERNARAP LEBIH RAMAI MURID PEREMPUAN DARI SEKOLAH ITU MENGAMBIL JURUSAN SAINS YANG LAIN SEPERTI PERUBATAN, KEJURUTERAAN DAN PERTANIAN.

DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA IBUBAPA DAN LAIN-LAIN ANGGOTA MASYARAKAT MEMPUNYAI NILAI-NILAI BARU TERHADAP SAINS DAN TEKNOLOJI DAN MENARUH KEYAKINAN KEPADA SAINS DAN TEKNOLOJI SEBAGAI ALAT PEMBANGUNAN DAN JUGA PUNCA PENCARIAN YANG LEBIH LUMAYAN.

BELIAU JUGA MENJELASKAN KEMENTERIANNYA SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMPERBAIKI LAGI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM SUPAYA SETANDING DENGAN KEPUTUSAN MCE.

MASAAALAH INI PERLU DIPERBAIKI SECEPAT MKVGGKIN SUPAYA MURID-MURID KELAS SPM AKAN TERUS MAJU KE TINGKATAN ENAM DAN SETERUSNYA KE MAKTAB-MAKTAB ATAU UNIVERSITI. - BERNAMA 1230/MM